

Tular informasi secara berhemah

PERNAH bekerja di dua buah stesen televisyen swasta selama beberapa tahun sebagai wartawan penyiaran, **Nurul Asyikim Zakaria, 27**, meneruskan minatnya dalam berkongsi informasi tentang apa jua isu yang boleh memberi manfaat kepada orang ramai. Menggunakan pengalaman yang ada, dia mengasaskan blog berita, *Kaki Share* biarpun pada mulanya sekadar suka-suka.

Gadis yang mesra disapa Ekim ini, tidak menyangka blog yang sudah berusia lebih setahun itu kini menjadi pilihan *netizen* di laman sosial kerana kredibilitinya dalam menyampaikan maklumat dan isu terbaharu yang berlaku dalam dan luar negara.

Dia mengakui, banyak blog yang diwujudkan sudah lari dari tujuan asal, iaitu berkongsi maklumat yang tepat kepada pengguna Internet.

Malah, lambakan informasi yang berlegar di Internet menyebabkan penulis blog mengambil mudah dengan menerima apa sahaja informasi tanpa usul periksa.

Lebih memburukkan keadaan, sikap pengguna Internet yang 'gatal tangan' pantas berkongsi berita meskipun sumbernya masih belum disahkan atau diragui.

"Dalam penulisan berita, setiap perkongsian perlu dilakukan secara telus, iaitu berdasarkan sumber yang sah

personaliti

Oleh **NURSYAMIMI SAIDI**
nursyamimi.saidi@utusan.com.my

dan tidak berat sebelah.

"Ramai dalam kalangan kita suka menulis tetapi mereka tidak tahu platform yang boleh digunakan untuk menyalurkan kemahiran dan minat membuatkan mereka sewenang-wenang menyebarkan cerita palsu.

"Jika mereka melakukan dengan cara yang betul, bukan sekadar penulisan digemari *netizen*, bahkan mereka sendiri boleh menjana pendapatan melalui pengiklanan produk-produk atau servis yang mahukan khidmat mempromosikan perniagaan.

"Saya sendiri dahulu tidak menyangka *Kaki Share* mampu menarik pengikut sehingga 1.8 juta orang. Segalanya kerana usaha meletakkan kepercayaan orang ramai terhadap berita yang disampaikan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Kini, *Kaki Share* mempunyai lima pekerja untuk membantunya mencari maklumat-maklumat sah yang diinginkan *netizen*.

Ekim, yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam jurusan kewartawanan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), mengakui sesiapa sahaja boleh menjadi penulis blog atau 'tukang tular (*viral*)'.

Namun, amat penting sebenarnya masing-masing mengetahui etika penyampaian berita yang menjadi tunjang kepada wartawan media perdana untuk diteruskan meskipun melalui media sosial.

Menurutnya, pengabaian etika kewartawanan menyebabkan

Kaki Share juga boleh dilayari di Facebook *kaki share*, dan Instagram @kakishare.

Mesra disapa sebagai Kak Kimah di laman sosial.

TRIVIA

Bakal mengeluarkan jenama tudung Karonsang dengan menampilkan rekaan tudung bercirikan warisan kebanggaan negara, batik.

Berkolaborasi bersama portal *Siakap Keli* untuk menyiarkan sebuah program televisyen pelancongan online bagi mempromosikan tempat-tempat menarik dalam dan luar negara.

Pengabaian etika kewartawanan menyebabkan *netizen* telah 'diracuni' oleh maklumat yang tidak sah sehingga menjadi sandaran masyarakat dalam menilai sesuatu."

netizen 'diracuni' oleh maklumat tidak sah sehingga menjadi sandaran masyarakat dalam menilai sesuatu.

Tidak pernah menyesal dengan keputusan berhenti kerja makan gaji, Ekim sendiri bukanlah seorang yang suka bekerja bawah orang atau bekerja mengikut had masa.

Jadi, dia membuktikan bahawa sebagai orang muda dia mampu berdikari hanya berdasarkan minat dan usaha.

Bukan itu sahaja, gadis ini juga aktif dalam dunia peragaan, selain pengasas bersama kepada sebuah produk kecantikan dan bakal mengeluarkan jenama tudung sendiri.

Ditanya adakah dirinya seorang yang 'tamak' mengumpul kekayaan apabila banyak pekerjaan dalam satu masa, ujar Ekim, semuanya disebabkan dia gemar berjumpa dengan orang ramai untuk

mendapat pengalaman baharu, berkongsi maklumat, dan meluaskan rangkaian perniagaan yang dibina.

"Saya juga mahu membuktikan bahawa anak muda juga mampu menjana pendapatan sendiri mengikut cara mereka walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak begitu baik.

"Bergantung kepada pilihan masing-masing sama ada mahu bekerja makan gaji sambil berniaga atau meninggalkan terus pekerjaan demi perniagaan yang ingin dijalankan.

"Paling penting adalah pembahagian masa dan fokus pada perkara yang mahu diusahakan," katanya.

Gambar **NOR AZLINA JAAFAR**
Solekan **AADARWINA, IG, @AADARWINA (014-8410722)**

NURUL ASYIKIM ZAKARIA